

# Dua minggu padam kebakaran

Tapak pelupusan sampah di Pekan Nanas terbakar, hampir dengan kawasan perumahan penduduk

NOR AZURA MD AMIN

PONTIAN - Kerja-kerja pemadaman kebakaran tapak pelupusan sampah dekat Kampung Air Putih, Pekan Nanas dijangka memakan masa selama dua minggu.

Perkara tersebut dimaklumkan Ahli Parlimen Tanjung Piai, Datuk Seri Wee Jock Seng setelah mengadakan perbincangan bersama beberapa agensi terlibat di pusat kawalan kebakaran dekat tapak pelupusan tersebut.

Menurut Jock Seng, tempoh berkenaan dilihat agak lama memandangkan tapak pelupusan sampah yang terbakar sejak seminggu lalu itu terletak berdekatan kawasan perumahan penduduk di Pekan Nanas.

"Saya harap SWM dapat hantar satu pasukan pakar yang benar-benar faham selok-belok untuk padam kebakaran tapak pelupusan sampah.

"Kita faham tapak pelupusan sampah paling mudah terbakar. Tetapi pasti ada jalan penyelesaiannya. Usaha Jabatan Bomba dan Penyelamat memadam kebakaran dibantu beberapa agensi lain amat dihayati," katanya.



Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Pekan Nanas, Mahadir Mamat menunjukkan tapak pelupusan sampah yang masih terbakar walaupun sudah seminggu.

**INFO** • Buat masa sekarang sampah yang dipungut akan dihantar ke Seelong dan Simpang Renggam

Jeck Seng berkata, beliau mahu tapak pelupusan sampah dekat Kampung Air Putih

yang beroperasi sejak 15 tahun itu ditutup segera.

"Isu pusat pelupusan sampah dekat Kampung Air Putih bukan perkara baru. Saya melihat pusat pelupusan sampah di sini sepatutnya ditutup.

"Buat masa sekarang sampah yang dipungut akan dihantar ke Seelong dan Simpang Renggam," katanya.

Dalam pada itu, beliau meminta pihak pembangkang tidak mencari publisiti berhubung isu kebakaran pusat pelupusan sampah di sini.

"Apa yang penting, kita dapat selesaikan isu kebakaran di sini dengan segera. Saya harap Adun DAP Pekan Nanas dapat berikan kerjasama dalam perkara ini," katanya.

## Perlu cari lokasi baharu

SEBUAH tapak pelupusan sampah baharu perlu dicari di daerah ini bagi menggantikan tapak pelupusan sampah sedia ada dekat Kampung Air Putih, Pekan Nanas.

Adun Pekan Nanas, Yeo Tung Siong berkata, tapak pelupusan sampah sedia ada di Pekan Nanas sudah melebihi kapasiti yang sepatutnya.

Katanya, terdapat cadangan untuk membina *transfer station* bagi pengumpulan sampah di daerah ini sebelum dihantar ke pusat pelupusan sampah di Seelong.

"*Transfer station* hanya akan memendekkan jangka hayat pusat pelupusan sampah. Sampah yang padat akan dibawa ke pusat pelupusan sampah di luar daerah.

"Jadi saya berpandangan lebih baik bina pusat pelupusan sampah baharu di daerah Pontian," katanya.

Tung Siong menegaskan, pusat pelupusan sampah di Seelong tidak selamanya mampu bertahan menampung kuantiti sampah yang semakin bertambah setiap hari.

"Ini bermakna, kerajaan perlu bertindak mencari jalan penyelesaian bagi isu sampah di daerah ini.

"Di Pontian, kita ada banyak tempat yang memiliki penduduk tidak padat, jadi boleh bina tapak pelupusan sampah. Bagaimanapun, ia memerlukan kajian dan cadangan rapi," katanya.

## Bomba hadapi masalah bekalan air

KEKURANGAN sumber air menjadi cabaran buat anggota Balai Bomba dan Penyelamat Pekan Nanas yang bertugas memadam kebakaran tapak pelupusan sampah dekat Kampung Air Putih, sejak seminggu lalu.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Pekan Nanas, Mahadir Mamat berkata, situasi itu menyebabkan mereka terpaksa mencari sumber air alternatif dari kolam dan tali air berdekatan dengan kawasan pelupusan sampah itu.

Bagaimanapun, kolam air yang terletak sejauh 700 meter itu tidak mampu menampung sumber bekalan air diperlukan bagi memadam kebakaran tapak pelupusan sampah yang dianggarkan berkeuasan 10 hektar itu.

"Pada hari kedua operasi pemadaman kebakaran, kami sudah menggunakan air kolam. Air kolam ini merupakan air hujan yang bertakung dengan jumlah bekalan yang terhad.

"Kami perlu bergerak cari sumber air dari kawasan hutan ber-

dekatan. Ini adalah tugas yang mencabar untuk kami.

"Kebakaran tapak pelupusan sampah perlukan sumber bekalan air yang banyak dan berterusan untuk dipadam," katanya ketika ditemui di pusat kawalan bomba berhampiran tapak pelupusan sampah tersebut.

Beliau berkata, selain itu pihaknya turut berdepan kesukaran memasuki kawasan tapak pelupusan sampah itu berikutan laluan masuk yang sempit.

Katanya, jentera bomba terpaksa meredah laluan sempit sejauh kira-kira lima kilometer untuk sampai ke lokasi.

"Angin juga jadi faktor penghalang kerja-kerja pemadaman memandangkan kawasan itu dikelilingi hutan dan ladang kelapa sawit. Namun anggota kita berjaya mengawal kebakaran," katanya.

Menurut Mahadir, jengkaut dan jentolak digunakan bagi mengorek sampah bertujuan menghalang api daripada merebak ke kawasan lain.



Anggota bomba berusaha memadam kebakaran melibatkan kawasan seluas 10 hektar.

"Kerja pemadaman masih dilakukan tanpa henti sejak pusat pelupusan sampah terbakar pada 1 Disember lalu.

"Setiap hari seramai 10 hingga

15 anggota bomba bertugas memadamkan kebakaran di sini. Balai Bomba dan Penyelamat Skudai membantu meminjamkan tangki air mereka kepada kami.

"Beberapa agensi turut membantu seperti Jabatan Alam Sekitar, Syarikat Air Johor (SAJ), SWM, SWM Corp dan Majlis Daerah Pontian," katanya.